



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
POLITICS, PUBLICS POLICY  
AND SOCIAL WORKS  
(IJPPSW)  
[www.ijppsw.com](http://www.ijppsw.com)



## SEPINTAS LALU TENTANG HOME GUARD (HG) DI KEDAH DAN PENGUKUHAN PERJALANAN KERJANYA DI ERA DARURAT

*A GLANCE OF HOME GUARD (HG) IN KEDAH AND THE STRENGTHENING  
OF HIS WORK JOURNEY IN THE EMERGENCY ERA*

Mohd Kasri Saidon<sup>1\*</sup>, Zolkefli Bahador<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Prof Madya Dr. Mohd Kasri bin Saidon, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: kasri@uum.edu.my

<sup>2</sup> En. Zolkefli bin Bahador, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: zolkefli@uum.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 17.01.2022

Revised date: 14.02.2022

Accepted date: 20.02.2022

Published date: 06.03.2022

#### To cite this document:

Saidon, M. K., & Bahador, Z. (2022). Sepintas Lalu Tentang Home Guard (HG) Di Kedah Dan Pengukuhan Perjalanan Kerjanya Di Era Darurat. *International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works*, 4 (11), 33-48.

DOI: 10.35631/IJPPSW.411003.

### Abstrak:

Artikel ini mengupas tentang Home Guard (HG) yang merupakan satu pasukan pertahanan yang melibatkan penglibatan rakyat umum sebagai tulang belakangnya. HG diperkenalkan di Tanah Melayu dalam era darurat (1948-60), beroperasi secara aktif dalam tahun 1950. Kandungan penulisan ini adalah tentang HG di Kedah, memandangkan Kedah adalah antara negeri yang hebat diincar pihak Komunis Malaya (PKM) dalam episod darurat. Artikel ini mengutarakan beberapa aspek yang dibuat oleh pihak kerajaan semasa itu bagi mengukuhkan perjalanan kerja HG. Pasukan ini diperkemaskan dengan susunan tadbir yang lebih mantap untuk menjadikannya sebagai benteng pertahanan yang kedua bagi melawan Komunis ketika itu. Ini termasuk penglibatan pegawai dagang dari luar Tanah Melayu dan pemantapan bagi pegawai dalam negeri. Artikel ini juga memaparkan tentang kebajikan anggota pasukan yang dilakukan semasa keaktifan HG. Tidak dapat lari juga artikel ini menyentuh tentang aspek kepimpinan yang dilihat menjadi teras kepada keutuhan perjalanan kerja HG. Kesemua isi penulisan ini adalah dari sumber utama umumnya dari fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) serta temubual dengan beberapa responden bagi pengukuhan fakta dan ulasan. Secara umumnya HG telah memainkan peranannya dengan baik dan

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



penyertaan rakyat adalah langkah bijak di pihak kerajaan bagi memerangi komunis.

**Kata Kunci:**

Home Guard, Kedah, Komunis, Anggota, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

**Abstract:**

This article delves into the Home Guard (HG) which is a defense force that involves the involvement of the general public as its backbone. HG was introduced in Malaya in the emergency era (1948-60), operating actively in 1950. The content of this writing is about HG in Kedah, as Kedah is one of the great states threatened by the Malayan Communist Party (CPM) in emergency episodes. This article highlights some of the aspects made by the government at that time to strengthen the work of HG. The force was streamlined with a more robust administrative arrangement to make HG a second defensive bulwark against the Communists at the time. This includes the involvement of expatriates from outside Malaya and the strengthening of domestic officers. This article also features about the welfare of team members done during HG activities. Not to be outdone also this article touches on the aspects of leadership that are seen to be core to the integrity of HG's work journey. All the contents of this writing are from the main source generally from the file of the Kedah State Secretary (SUK) as well as interviews with several respondents to strengthen the facts and comments. In general, HG has played its role well and the participation of the people is a wise move on the part of the government to fight the communists

**Keywords:**

Home Guard, Kedah, Communist, Member, Kedah State Secretary

## Pengenalan

Apabila kancah Perang Dunia Kedua tamat dalam lewat tahun 1945, di Tanah Melayu dan rantau Pasifik ia berakhir dengan kalah perang pihak Jepun. Tanah Melayu adalah antara negara yang kembali pada naungan British. Sebelum pecah perang sememangnya telah wujud gerakan dan fahaman komunisma di Tanah Melayu. Sasaran fahaman ini adalah kelompok rakyat kumpulan pekerja, tumpuan besar ialah kelompok buruh seperti pekerja lombong dan ladang getah. Namun fahaman ini juga ada mengorak usaha pada orang Melayu namun ia tidak mengukuh. Begitupun ada beberapa nama Melayu yang berpengaruh berada dalam kepompong komunis ini.<sup>1</sup> Begitu pun ia tidak mendapat sokongan yang meluas dikalangan orang Melayu secara umumnya dari kelompok para pesawah dan pekebun kecil getah.

<sup>1</sup> Untuk pemahaman lanjut lihat tentang Musa Ahmad dalam Sabda S & Wahba, 1981. *Musa Ahmad Kembali Ke Pangkuhan*, Selangor: Tra-Tra Publishing. Juga lihat pengalaman bekas pegawai kanan polis di era darurat dalam Mohd Pilus Yusoh, Dato', 2001. *A Policeman Story*, Kuala Lumpur: Cempaka Publication

Doktrin komunisma kemudiannya menjadi ancaman pada pihak kerajaan Tanah Melayu dan prinsip yang dibawa juga tidak bersesuaian dengan aliran hidup sebahagian besar rakyat semasa itu. Apabila pecah perang, kelompok tahanan komunis yang ditahan British di Singapura telah diberi ruang untuk sama-sama menentang kemaraan tentera Jepun. Ini adalah kerana perluasan kuasa Jepun dilihat sebagai musuh bersama bagi Tanah Melayu serta kelompok yang berfaham komunis didalamnya. Semasa pendudukan Jepun, pihak British melalui *Force 136* tentang mengadakan hubungan dengan Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) yang ditarik oleh anggota Parti Komunis Malaya (PKM) untuk melakukan gerakan serangan gerila pada pihak Jepun. Penyusunan masuk agen rahsia ini dilakukan secara pendaratan dari kapal selam dan juga jalan udara.<sup>2</sup>

Setelah tamat MPAJA kemudian mengubah rentak dan mula menunjukkan maksud asal dengan melakukan gerakan bersenjata melawan kerajaan Tanah Melayu yang dinaungi British semasa itu. Gerakan yang semakin membahaya ini kemudiannya mencetuskan episod “darurat” yang berlangsung selama 12 tahun. Kerajaan Tanah Melayu kemudiannya melakukan beberapa perancangan pertahanan dan pemantapan keselamatan bagi menghalang gelombang kemaraan pihak PKM ini. Walaupun pasukan keselamatan diperingkat penyusunan kembali akibat dari pendudukan tentera Jepun. Antara yang diusahakan ialah pembentukan pasukan keselamatan tambahan dari rakyat iaitu *Home Guard* (HG) sebagai sokongan pada jumlah barisan utama iaitu polis dan tentera yang masih belum mencukupi bagi mendepani pihak komunis. Negeri Kedah pula adalah antara negeri yang hebat diancam dan diasak oleh gerakan subversif ini. HG Kedah juga tidak sedikit menerima bencana dari apa yang dipraktikkan oleh pihak musuh. Kedudukan mereka di kawasan kampung dan pedalaman ini menjadikan mereka sasaran mudah pihak musuh. Ini ditambah lagi dengan kekurangan latihan dan peralatan pada pasukan HG itu sendiri. Artikel ini secara khusus memberi fokus pada Kedah untuk melihat dan mengulas tentang aspek pemantapan dan pengukuhan yang dilakukan pihak kerajaan untuk HG dalam tempoh tersebut.

### Matlamat Penulisan

Penulisan artikel ini menyasarkan satu kefahaman yang lebih meluas tentang sejarah darurat itu sendiri. Umumnya sejarah ini sudah dilihat agak dilupakan oleh generasi kini, ia tenggelam dalam lipatan sejarah. Para penglibat juga telah ramai yang meninggal dunia, banyak peristiwa dan rencah cerita yang mereka lalui hilang atau luput begitu sahaja. Di Malaysia kita dikira masih kurang bacaan dan diskusi ilmiah tentang sejarah darurat. Artikel ini memberi fokus beberapa aspek dalam HG yang dikira ia dapat menjadi satu penganalisaan yang bersifat akademik dalam sejarah HG dan juga sejarah darurat itu sendiri. Isi kandungan artikel ini juga diharap bakal menjadi asas pada kajian lebih lanjut dimasa hadapan dan juga dapat memberikan satu ilmu baru dalam sejarah Malaysia umumnya. Objektif yang sama juga dapat dikaitkan sebagai ransangan pada yang berminat sama ada di pihak kerajaan atau bukan kerajaan untuk sama-sama memperkasakan sejarah. Di pihak akademik pula segala diskusi yang dipaparkan dapat dijalankan medan analisa untuk faedah pelbagai bidang untuk negara di masa hadapan.

<sup>2</sup> Untuk pemahaman lanjut lihat Mohd Reduan Hj Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Juga lihat pengalaman bekas anggota Force 136 dalam James Dobree, Peter, 1994. *Hujan Panas Bawa Bencana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Kaedah Dapatan Penulisan

Penulisan ini adalah dari rujukan dan penganalisaan terhadap pelbagai sumber. Yang utama ialah segala laporan dan surat menyurat yang disimpan dalam koleksi Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK). Koleksi ini adalah sumber utama kerana ia terhasil sebagai laporan dan catatan semasa tempoh darurat. Penulisan ini juga disokong dengan beberapa temubual dan pandangan penglibat dan beberapa individu yang dikira dapat memberi faedah pada maksud artikel ini. Untuk menjadikan ia satu wadah yang kukuh, pandangan dan ulasan beberapa penulisan yang bersifat ilmiah juga diambil kira. Kombinasi semua sumber ini dikira dapat mengukuhkan isi kandungan penulisan.

Penulisan ini juga mengambil kira olahan dan hurai tentang situasi darurat oleh beberapa penulis tentang pengalaman mereka atau kupasan akademik mereka terhadap era darurat. Di Malaysia dapat dikatakan agak ramai pegawai dagang British yang menulis tentang pengalaman mereka di era darurat. Mereka ini ada yang berlatarbelakang peladang, pelombong atau pegawai kerajaan. Tulisan mereka amat bernilai dengan informasi jelas dari pengalaman mereka sendiri dan juga melibat peristiwa-peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu ketika itu. Penghuraian dan olahan dari para ahli akademik juga merupakan sokongan yang baik pada penjanaan informasi dan sudut pandangan yang baru dalam tajuk yang diperkatakan ini.

## Aspek Pengukuhan

Sepertimana yang disebut dari awal, pertahanan dan keselamatan negara belum benar kukuh selepas kekalahan pihak Jepun. Polis dan tentera diperingkat pembentukan dan pemulihan kembali. Di pihak British sendiri sebagai tunggak kuasa perintah masih bergelut dengan pemulihan ekonomi akibat Perang Dunia Kedua. Jalan pertahanan paling efektif ialah dengan menggembeling tenaga seluruh rakyat untuk sama-sama memerangi musuh. HG dibentuk dari penglibatan pihak rakyat jelata dalam kerja-kerja keselamatan dan pertahanan. Ia diperkenalkan dalam tahun 1950 dan menjadi kukuh dengan kuasa khas dibawah *Home Guard Regulations 1951*, dimana semua rakyat yang berusia 18 sehingga 55 tahun boleh dikerah sebagai anggota HG. Ia dilihat sesuatu yang agak mendadak wujudnya, ini disebabkan semasa sebelum pecah Perang Dunia Kedua, rakyat tidak dilibatkan secara aktif untuk tujuan keselamatan dan pertahanan. Pasukan yang melibatkan rakyat hanyalah pasukan Polis, Rejimen Askar Melayu, Askar Timbalan Setia (*Johor Military Force*) dan pasukan tentera sukarela.<sup>3</sup>

Namun ia bukanlah satu jumlah yang besar dan menyeluruh pada semua rakyat. Mengambil rakyat dan membentuk mereka sebagai anggota keselamatan adalah satu tugas yang besar. Jumlah yang banyak dan lokasi yang menyeluruh pelbagai ceruk bandar dan desa menjadikan usaha ini sedikit sebanyak tersisip juga kelemahan dalamnya. Ini dapat dilihat dari segi keanggotaan, pakaian, senjata dan operasi yang dibuat.<sup>4</sup> Namun begitu sejarah memperlihatkan langkah pengukuhan dan penyusunan dibuat secara berterusan sehingga pasukan ini dibubarkan pada Julai 1959. Pasukan

<sup>3</sup> Untuk pemahaman tentang pertahanan dan keselamatan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, rujuk Abdul Samad Idris, 1983. *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman

<sup>4</sup> Lihat juga kupasan suasana darurat dalam Miller, Harry, 1972. *Jungle War in Malaya*, London: Arthur Barker Limited

ini diaktifkan kembali semasa konfrontasi Malaysia-Indonesia berlaku dalam tahun 1963-1965. Selepas tahun 1969 khususnya apabila berlaku peristiwa 13 Mei kerajaan melihat ia perlu diwujudkan sebagai barisan sokongan keselamatan. Dalam tahun 1972, ia diperkenalkan sebagai pasukan Angkatan Relawan Rakyat (RELA). Akan tetapi perbincangan dalam artikel ini hanya akan memberi fokus pada era darurat.

### **Penambahbaikan HG**

Penubuhan HG ini sememangnya satu penstrukturran yang baru sebagai satu entiti keselamatan di Tanah Melayu. Organisasi dalaman pasukan melibatkan perkara tentang kewangan, latihan dan tenaga pentadbiran. Elemen ini dikira lengkap untuk memastikan HG menjadi satu entiti yang tersusun. Untuk tujuan latihan dan pentadbiran terdapat usaha dipihak kerajaan untuk memantapkan perjalanan HG ini. Dilihat yang agak utama ialah tenaga kerja dibahagian latihan dan kepimpinan pasukan. Jika dilihat, terdapat beberapa kerja penambahbaikan yang dibuat dalam tujuan tersebut. Terdapat penambahbaikan dibuat dalam tahun 1955 terhadap pegawai-pegawai keturunan Asia seperti Melayu, Cina atau India dalam HG. Mereka kebanyakannya merupakan bekas anggota polis dan tentera yang berkhidmat dalam HG dan dikelaskan sebagai '*Asian Officer*'.<sup>5</sup>

Perkhidmatan mereka selalunya sebagai tenaga pengajar dan pentadbir peringkat bawahan dalam HG. Jawatan mereka umumnya adalah secara kontrak selama dua tahun. Dalam tahun 1955, mereka diletakkan di bawah '*Regimental Officer*' dan menerima imbuhan sebanyak \$480.00 sebulan. Mereka juga boleh diatur gerak atau ditugaskan ke seluruh Tanah Melayu dan tidak semestinya sebuah negeri tertentu seperti kebiasaan.<sup>6</sup> Jika dilihat dengan lebih terperinci, apa yang diubah ialah perkataan '*Asian*' yang cuba disamatarafkan dengan '*Regimental*'. Akan tetapi pada hakikat sebenar masih juga wujud perbezaan yang tinggi dari segi layanan dan penghormatan antara anak tempatan Tanah Melayu dengan pegawai dagang. (*Expatriate*)<sup>7</sup>

Kedatangan Jeneral Templer yang mempunyai pengalaman ketenteraan dilihat ada kesan yang begitu positif dan strategis. Penambahbaikan berterusan semasa Templer menjadi Pesuruhjaya Tinggi dan sebagai orang nombor satu dalam kempen darurat. Apatah lagi sebagai seorang pegawai tentera Templer gemar turun padang untuk memantau semua kerja-kerja di lapangan yang dilakukan barisan pertahanan negara. HG juga mendapat perhatian khusus dalam hal pertahanan dan keselamatan. Siaran atau edaran kerja di pihak pentadbiran yang dibuat telah meletakkan HG sebagai tulang belakang yang utama membantu pihak polis dan tentera memerangi musuh. Disebut secara jelas dalam edaran peranan HG;

1. *Satu medium antara kerajaan dan masyarakat melawan musuh.*
2. *Satu pertahanan tempatan yang padu melawan musuh.*

<sup>6</sup> Lihat pengalaman bekas pegawai polis dalam Puvaneswaran S.K, 2004. *Puvan- Memoirs of Early Life & 33 Years in Police*, Kuala Lumpur: Alf Promotions.

<sup>7</sup> SUK 205/1375

3. *Berkerja rapat dengan pasukan keselamatan lain supaya tiada bantuan yang sampai ke musuh.*
4. *Mengerakkan ‘Operational Section’ dalam operasi bersama pasukan keselamatan yang lain*<sup>8</sup>

Penetapan yang sebegini dilihat telah menjelaskan kedudukan HG dalam pertahanan secara menyeluruh dan tidak lagi kepada ‘pasukan kampungan’ seperti kewujudannya kali pertama dalam tahun 1949. Ini merupakan satu suntikan moral dan struktur yang baik terdapat kewujudan dan perjalanan kerja HG. Kesan dari itu di Kedah misalnya, dengan jumlah HG seramai 13,000 orang anggota dalam tahun 1956 kemudiannya dilengkapi kemudahan dan peralatan yang lebih baik termasuk kubu dan pos pengawal.<sup>9</sup>



**HG Dalam Satu Sesi Latihan Di Kedah**

(Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis)

Perang saraf juga merupakan satu keutamaan dalam kempen memerangi musuh. Kerajaan memperkuatkan perang saraf terhadap PKM sebagai pengukuhan pertahanan dalam rakyat. Pelancaran kempen ‘Bulan Melawan Penjahat’ (*Anti Bandit Months*) pada 22 Disember 1949 menjadikan penglibatan rakyat terutamanya HG semakin kuat. Kempen yang dijalankan di seluruh

<sup>8</sup> SUK 1329/1375 dan 1387/1375.

<sup>9</sup> Ibid.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Tanah Melayu ini berlanjutan hingga bulan Februari 1950. Termasuk Kedah, seramai 435,905 orang sukarelawan telah mendaftar dalam bulan Mac 1950 berbanding 364,322 orang pada awalnya. Di Kedah mereka terlibat mengedarkan risalah anti komunis, membersihkan belukar yang boleh digunakan komunis, mengadakan sekatan jalan dan pemeriksaan kad pengenalan. Mereka juga membantu polis untuk memastikan arahan perintah berkurung dipatuhi dan memastikan bekalan makanan kepada pihak komunis disekat.<sup>10</sup> Secara tidak langsung ini merupakan satu pengukuhan pada kuasa dan peranan HG dalam hal ehwal keselamatan secara umumnya. Gerakan perang saraf ini juga banyak bergantung pada kerjasama HG, dikalangan rakyat mereka menyertai HG dan peranan yang sama juga dimainkan dalam kemasyarakatan.

Jika dirujuk pada laporan SUK diperingkat awal darurat dikuatkuasakan. Penyertaan kaum Cina agak perlahan. Ini disebabkan hal kerja pertahanan adalah agak jauh dari budaya kerja harian mereka sebagai pelombong dan peniaga. Apatah lagi menjadi anggota pasukan keselamatan bukanlah sesuatu yang popular dikalangan kaum Cina ketika itu. Dalam tahun awal 1949 mendapat sambutan agak dingin di selatan Kedah pada kaum Cina. Namun situasi tersebut berubah dalam tahun-tahun kemudiannya dengan penglibatan mereka melalui HG dan sokongan badan-badan bukan kerajaan seperti Malayan Chinese Association (MCA) dan Dewan Perniagaan Cina.<sup>11</sup>

Sejarah membuktikan Templer merupakan seorang strategis dan juga aktif turun ke medan lapangan untuk menyelia semua usaha yang dirancang. Lawatan Templer yang agak kerap ke Kedah telah membuka banyak ruang untuk peningkatan positif HG Kedah dari segi moral dan profesionalisme.<sup>12</sup> Sepanjang era darurat Templer telah beberapa kali melakukan lawatan kerja terhadap HG Kedah. Pada 22 Mei 1952, Templer telah melawat Kuala Muda, antara yang dilawati ialah penempatan kaum Cina di Sungai Lembu dan juga kem latihan HG di Kem Hobart. Beliau juga ke Sik dengan memeriksa pertahanan HG di Kuala Begia.<sup>13</sup> HG Sik sekali lagi menerima lawatan kerja Templer pada 18 April 1953.<sup>14</sup> Ini menunjukkan terdapat penumpuan yang kukuh dan berterusan dari Templer sendiri terhadap beberapa kawasan pedalaman Kedah yang kerap diancam musuh.<sup>15</sup>

<sup>10</sup>Lihat juga Ho Hui Ling. 2004. *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Ho Hui Ling, hlm.18.

<sup>11</sup> Pakatan NGO dan parti politik seperti MCA turut juga terlibat dalam kemantapan sosial kaum Cina dengan beberapa siri Civic Course di Kedah terutama semasa era aman selepas tahun 1955.

<sup>12</sup> Untuk pemahaman tentang Templer, rujuk Cloarke, John, 1985. *Templer Tiger of Malaya*, London: Harrap Ltd

<sup>13</sup> SUK 3131/1373, 1606/1373 dan 1573/1373.

<sup>14</sup> SUK 1531/1373.

<sup>15</sup> Ia dilihat berkait juga dengan strategi propaganda melawan musuh, untuk pemahaman lanjut tentang strategi perang saraf ini lihat Stubbs, Richard, 1989. *The Hearts and Minds in the Guerilla Warfare*, Singapore: Oxford University Press.

Lawatan sebegini membuka ruang perbincangan antara Denholm Young sebagai State Home Guard Officer (SHGO) dengan Templer. Antara yang diutarakan dalam lawatan tahun 1953 ialah:

1. *Kekuatan sedia ada seramai 20,000 anggota dikekalkan.*
2. *Operasi akan diteruskan dan ditambah bila wujud keperluan.*
3. *Kekuatan Kampong Guard (KG) iaitu unit pertahanan tempatan yang berpusat di Kawasan Putih (White Area) akan dikecilkan dari 50 orang kepada 11 orang, berserta seorang Kopral. Bagi Kampong Baru (New Village) dari 400 ke 100 orang. Cadangan ini berasionalkan untuk memperbanyak latihan keselamatan bagi penduduk di kawasan tersebut. Langkah juga bertujuan untuk menjadikan penduduk sebagai elemen keselamatan dan menimbulkan rasa tanggung jawab dalam soal pertahanan setempat.<sup>16</sup>*

Lawatan ketua tertinggi di Tanah Melayu ini diikuti dengan beberapa pegawai tinggi lain yang mempunyai kapasiti dalam soal pertahanan sama ada Kedah atau Tanah Melayu. Dalam tahun 1955, Baling yang menjadi daerah tuan rumah perundingan antara pihak kerajaan dan komunis dikunjungi oleh IGP HG Maj.Gen. Flanblanque dan Sir Donald Mac Gilivary selaku Pesuruhjaya Tinggi ketika itu, mereka ditemani oleh Penasihat British di Kedah, E.C.G. Barret. Rombongan kenamaan ini kemudiannya bermalam di kediaman Wan Ali Wan Daud yang bertugas sebagai Pegawai Daerah (DO) di Baling. Daerah ini sudah boleh dikelaskan sebagai aman dan selamat dengan kehadiran para pemimpin tertinggi Tanah Melayu ini. Malah langkah mereka bermalam memberi pertanda bahawa ancaman komunis sudah jauh kendurnya berbanding pada awal 1950.<sup>17</sup>

Kerja keselamatan ini juga mendapat perhatian khusus dari Tuanku Sultan ketika itu. Pihak istana dan pimpinan kerajaan negeri terlibat dalam lawatan kerja dan sosial ke seluruh Kedah, penumpuan lawatan kerja keselamatan masih lagi ke Kedah selatan. Sultan Badlishah telah berangkat melawat daerah Sik pada 3 dan 4 April 1953. Kunjungan tersebut dilakukan tidak lama selepas lawatan kerja Templer ke kawasan tersebut. Baginda melawat pertahanan HG yang terdiri dari pos dan kubu dan mendapatkan penerangan terkini tentang keselamatan di kawasan tersebut.<sup>18</sup>

Tuanku Sultan juga sejak dari awal lagi telah memantau perkembangan pertahanan negeri terutamanya pasukan rakyat seperti HG. Pada 21 dan 22 Mac 1949 misalnya, baginda telah turun padang ketika era darurat baru bermula dengan melihat kerja keselamatan HG yang masih di peringkat permulaan di kawasan Kulim dan Baling.<sup>19</sup> Lawatan Baginda Sultan ini memberi petanda bahawa keamanan sudah diperoleh rakyat dan kerajaan secara total di kawasan tersebut. Lebih jelas lagi dengan lawatan Tunku Abdul Halim selaku Raja Muda ke Kedah selatan.<sup>20</sup> Tunku Raja Muda melawat daerah Baling pada 9 Februari 1955. Baginda menghadiri majlis penyampaian pingat penghargaan untuk para HG di bangunan Pejabat Daerah Baling. Keamanan jelas dalam

<sup>16</sup> SUK 2241/1373.

<sup>17</sup> SUK 1531/1373.

<sup>18</sup> SUK 1531/1373.

<sup>19</sup> SUK 865/1369 dan 335/1369.

<sup>20</sup> Tunku Abdul Halim kemudiannya ditabalkan menjadi Sultan Kedah pada 20 Februari 1959.

kawalan apabila baginda turut ke Dewan Orang Ramai Kampong Lalang untuk tujuan yang sama.<sup>21</sup>



**Keanggotaan HG di Sik, Kedah**

(Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis)

Keberangkatan Tuanku Sultan dan Raja Muda merupakan satu usaha yang begitu kuat impak moralnya pada penduduk tempatan berlebih lagi pada HG itu sendiri. Secara tidak langsung ia dilihat satu lawatan kerja yang membuka ruang penamaan pada HG secara umum. Peranan HG menjadi utama dengan kerja-kerja keselamatan membantu pihak Polis dan tentera. Keamanan jelas dengan kehadiran para kerabat diraja dan orang kenamaan di tempat terbuka. Tunku Raja Muda misalnya telah mengadakan majlis perkelahan di sungai Siong semasa melawat Baling pada 9 Februari tahun yang sama. Siong yang diliputi hutan rimba merupakan sebahagian dari kawasan aktiviti musuh pada tahap awal darurat. Kehadiran keluarga diraja dilihat memberikan kesan sosial yang positif kepada keselamatan rakyat dan tentunya petanda keamanan sudah berada dalam genggaman.<sup>22</sup>

Seperti mana yang dinyatakan dari awal penyertaan rakyat dalam aspek pertahanan merupakan tunjang kekuatan pertahanan tempatan Kedah. Penglibatan rakyat dalam mempertahankan negeri diberikan penghormatan oleh pihak kerajaan. Para anggota HG yang telah membuktikan dengan beberapa penganugerahan atas keberanian dan mutu perkhidmatan yang baik. Anugerah ini

<sup>21</sup> SUK 241/1375.

<sup>22</sup>Ibid.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

disampaikan oleh para pemimpin kerajaan dan ada yang menerima dari Raja Muda sendiri. Pada 9 Februari 1955, seramai enam orang anggota HG Sik misalnya telah menerima anugerah dari Tunku Raja Muda sempena lawatan baginda ke Baling:

1. *IGP of HG Certificate Merit and Badges- Ali b. Ibrahim dan Lebai Abas dari Kuala Jeneri.*
2. *High Commisioner Certificate- Sahriff b. Ismail dan Mad. Diah b. Deraman.*
3. *Letter of Commendation- Wan Ahmad b. Wan Ismail dan Awang b. Jusuh dari Kampung Landai.<sup>23</sup>*

Kerajaan juga mengadakan lencana perkhidmatan (*Service Badges*) untuk para anggota HG untuk perkhidmatan yang baik. Di Kedah seramai 2,800 orang anggota menerima lencana tersebut yang disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri Besar di beberapa daerah.<sup>24</sup> Pada awal Januari 1957, peranan HG semakin terserlah dengan ketetapan yang dikeluarkan SWEC Kedah. Dalam arahan tersebut, HG dan pihak polis digerakkan secara kolektif dengan pertahanan berdasarkan kepada empat tahap, ini dapat dilihat sebagai penambahbaikan baik pada sistem latihan yang sedia ada;

1. *Tahap 1 - latihan dikendalikan secara berasingan antara Polis dan HG.*
2. *Tahap 2 - latihan secara gabungan selama 3 bulan.*
3. *Tahap 3 - persediaan untuk pertahanan tempatan.*
4. *Tahap 4 - kelengkapan pertahanan untuk gabungan tugas.<sup>25</sup>*

### **Kebajikan Anggota HG**

HG umumnya adalah dari rakyat, rata-rata mereka adalah para pesawah dan pekebun kecil. Kebajikan mereka juga menjadi tumpuan pihak kerajaan, terdapat pembelaan dari segi kebijakan rakyat yang menyertai HG. Sejak dari tahun 1953 pihak HG negeri mula menjalankan mesyuarat perjalanan kerja yang menyentuh soal kebijakan secara berkala di Sungai Petani. Kebajikan dapat dilihat dengan peruntukan sebanyak \$500,000 untuk perjalanan kerja HG yang juga melibatkan kebijakan para anggota. Untuk tujuan tersebut juga satu pungutan secara derma dan kerja sosial dilakukan untuk aspek kebijakan. Tumpuan bantuan ialah untuk anggota yang akan menamatkan khidmat dengan bantuan perbelanjaan sebelum pampasan dibayar.<sup>26</sup>

<sup>23</sup>SUK 372/1375.

<sup>24</sup>SUK 1578/1370.

<sup>25</sup>SUK 1329/1375.

<sup>26</sup>SUK 1453/1373.

Bantuan sebegini walaupun dilihat kecil akan tetapi memberi impak moral yang tinggi. Bantuan disalurkan untuk meringankan beban ahli yang bertugas jauh di pedalaman dengan bantuan kesukaran hidup. Begitu juga dengan bantuan ketika menyambut perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina. Tabung pungutan juga menerima wang dari:

1. Sumbangan *State War Executive Council* (SWEC)
2. Kerja amal dan hiburan
3. Derma
4. Hasil dendaan disiplin ahli
5. Derma dari *Security Forces Amity Committee* (SFAC)

Untuk memastikan urusan kebajikan ini berjalan dengan sempurna, perjalanan aktiviti kebajikan HG ini dikawal selia dengan satu jawatankuasa yang dipilih di peringkat pemimpin HG daerah dan negeri. Organisasinya adalah seperti berikut:

- |                                       |  |
|---------------------------------------|--|
| 1. <i>State HG Officer</i>            | - Brig. Denholm Yong (Pengerusi)             |
| 2. <i>Assistant State Secretary</i>   | - Che Azmi Mohamad (Timbalan)                |
| 3. <i>Executive Secretary</i>         | - (tidak dinyatakan)                         |
| 4. <i>Assistant Financial Officer</i> | - J.O.H. Nixon (Bendahari)                   |
| 5. <i>Administration</i>              | - Maj.D.A. Gospel (Setiausaha) <sup>27</sup> |

Aspek kebajikan ini kemudiannya jelas dipertingkatkan lagi terhadap anggota dan bekas anggota HG. Kebajikan semakin menjadi lebih tersusun dengan kewujudan ‘Kelab Bekas HG’ (*Ex-Home Guard*). Kelab ini memberikan sijil tamat khidmat HG dan kad ahli kelab. Kewujudan kelab ini dimanfaatkan dengan urusan hal ehwal ahli, kemasyarakatan dan kemudahan kelab menembak. Kelulusan kerajaan terhadap kelab ini menandakan bahawa perkhidmatan mereka untuk HG Kedah dihargai kerajaan.<sup>28</sup>

HG dilihat memantapkan organisasinya juga perkembangan kekuatan pasukan. Apabila membicarakan soal pertahanan rakyat di Kedah juga menarik dengan kewujudan pasukan pemudi yang dinamakan ‘*Girl Guard*’. Pasukan tersebut ditubuhkan di Kedah untuk memotivasi kaum wanita kepada aspek pertahanan. *Girl Guard* merupakan kadet pelatih wanita yang apabila sampai masa kelak diharap akan memikul tanggungjawab pertahanan secara penuh. Di Kubang Pasu, para *Girl Guard* seramai 20 orang telah dilatih dalam soal keselamatan terutamanya aspek persenjataan.<sup>29</sup>

<sup>27</sup> SUK 551/1373.

<sup>28</sup> SUK 250/1373.

<sup>29</sup> SUK 225/1374.

## Kepimpinan Tempatan Dalam HG

Kepimpinan adalah satu aspek paling utama dalam sesuatu organisasi dan masyarakat Kedah dalam tahun 50-60an masih lagi bersifat tradisi. Kepimpinan sering dilihat sebagai tunggak pada perjalanan kerja yang baik dan penghidupan secara kolektif berkait rapat dengan ketua serta kepimpinan. Budaya taat pada pemimpin ini juga telah sedia wujud dikalangan orang Melayu yang menjadi teras utama kekuatan HG. Sebagai sedia maklum rakyat Tanah Melayu dan Kedah khususnya dari pelbagai lapisan mula menjadikan aspek keselamatan sebagai agenda dalam tempoh darurat berlangsung. Sedikit demi sedikit didapati agenda keselamatan sudah mula menjadi tanggungjawab sosial kepada rakyat Kedah, tidak lagi hanya bagi mereka yang melibatkan diri dalam pasukan pertahanan. Para pemimpin tempatan seperti Penghulu, Panglima atau ketua unit HG kampung adalah kelompok pemimpin peringkat bawahan yang akan dirujuk apabila berlakunya kecemasan. Mereka jugalah yang selalunya membuat keputusan awal sebelum kedatangan pihak pasukan keselamatan seperti polis dan tentera.

Kejadian pembunuhan dua musuh di Bukit Endoi, Tembak dalam daerah Kulim di selatan Kedah misalnya dapat dilihat sebagai kesan dari tanggungjawab masyarakat (*community responsible*) keberkesanan kepimpinan peringkat kampung. Kejadian dalam era awal 1950an ini bermula dengan kehadiran beberapa orang gerila komunis yang menjadikan hutan Bukit Endoi sebagai kawasan aktiviti. Musuh kerajaan tersebut mula mengugut penduduk kampung untuk mendapatkan bantuan logistik. Seorang mangsa ugut bernama Hassan kemudiannya melaporkan kepada seorang yang disegani yang digelar Tok Fakir Jusuh.

Berita ugutan ini disampaikan Tok Fakir Jusuh kepada Penghulu Abu Bakar yang kemudiannya terus menyusun pasukan serang hendap yang terdiri dari para HG dan penduduk kampung. Satu serang hendap dilakukan pada jam 4.00 petang dan berjaya membunuh dua orang gerila. Mayat anggota komunis tersebut dibawa ke balai Polis Kuala Ketil, pasukan rakyat tersebut kemudiannya dihadiahkan sebanyak \$2,000 oleh pihak kerajaan. Wang tersebut telah dibahagikan sama rata kepada semua yang terlibat dan sebahagian kecil disumbangkan untuk membeli pinggan mangkuk pakatan kampung.<sup>30</sup>

Kepimpinan tempatan bagi daerah banyak diterajui oleh anak tempatan semasa era darurat. Mereka berjawatan Pegawai Daerah merupakan kuasa yang agak besar kala itu yang mempunyai perkaitan tugas dengan barisan agensi lain dalam kerajaan. Pegawai Daerah juga merupakan pegawai rujukan bagi para Penghulu dan Panglima, seringkali sokongan dan kata putus pegawai ini dipohonkan dalam sesuatu perkara. Dalam episod darurat mereka mentadbir daerah dan juga mengetuai pasukan pertahanan tempatan seperti HG. Kepentingan peranan mereka dinyatakan dengan:

<sup>30</sup>Temubual dengan bekas SC Ibrahim bin Abdullah, 74 di Kampong Perik Kuala Nerang, Kedah pada 9 September 2005.

*“Since the period of the Emergency top priority has been given to the rule of the D.O. as the ‘the natural and single leader of his district’. This leadership rule is function of both nature of the office itself, and the ecology of administration which influences the style of administration”.*<sup>31</sup>

Di Kedah, selepas kekalahan Jepun menyaksikan ketegasan dan keberanian Syed Abu Bakar selaku Pegawai Daerah Baling dalam menghadapi ancaman pihak MPAJA. Ketegasan beliau menyebabkan beliau menjadi mangsa pembunuhan kejam pihak pro komunis tersebut.<sup>32</sup> Dalam era darurat, Tunku Nong Jiwa merupakan antara kepimpinan daerah yang banyak mewarnai kerja melawan komunis di peringkat daerah. Beliau pernah menjadi Pegawai Daerah di Kubang Pasu dan beberapa daerah lain. Kepimpinan beliau yang tegas dan berani tersebut mendatangkan masalah bagi pihak komunis. Semasa beliau bertugas di Kubang Pasu beliau pernah juga diancam nyawanya oleh pihak gerila PKM tersebut.<sup>33</sup>

Ketokohan pemimpin tempatan dalam kalangan rakyat biasa yang bukan pemimpin dilantik kerajaan juga dapat dikutip dari kajian darurat di Kedah. Ketokohan Kiyai Salleh di Johor dengan ‘Tentera Sabil Selendang Merah’ juga memberikan kesan kepada kebangkitan orang Melayu Kedah dalam mempertahankan kampung halaman mereka. Akan tetapi masyarakat Kedah lebih terdedah kepada peristiwa pembunuhan penduduk di Bukit Jenun dalam tahun 1951 yang terbit dari peristiwa Bukit Tambun.<sup>34</sup>

Nama-nama tokoh tempatan seperti Hj. Mat Lala (Hj. Ahmad b. Abbas), Zakaria Kupang, Hj. Abdul Rahman, Abdullah, Awang Gulai, Che Hassan dan Tuan Guru Hj. Hussin Che Dol menjadi taruhan rakyat bagi akan kepimpinan mereka. Rata-rata mereka ini merupakan individu yang sudah mempunyai nama dalam sistem sosial masyarakat sama ada kepimpinan atau keilmuan. Tuan Guru Hj Hussin dan Hj. Sulong misalnya telah terkenal sebagai ulama tempatan yang tersohor serta mempunyai jumlah anak murid yang ramai dari pelbagai daerah. Penglibatannya dilihat sebagai satu jihad dan kemuliaan pada masyarakat Kedah seperti mana sejarah Kedah silam yang juga terdapat kepimpinan ugama memimpin perang.<sup>35</sup>

Hj. Abdul Rahman pula begitu popular di kawasan Jeniang, Baling dan Sik sebagai tokoh pemimpin tempatan. Suara dan kepimpinannya dihormati oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum. Penglibatan beliau dalam soal keselamatan dan kemasyarakatan juga ditagih oleh pihak kerajaan. Dalam rekod SUK bagi tahun 1950 misalnya, Pegawai Daerah Sik dalam satu

<sup>31</sup> Mohd Isa Othman, 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis Di Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.hlm. 292

<sup>32</sup> Mohd Isa Othman, 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.135.


<sup>33</sup> Temubual dengan Dato Wan Shamsuddin Mohd Yusuf, Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) pada 27.Nov..2006.Tunku Nong Jiwa pernah bertugas sebagai Pegawai Daerah Kubang Pasu dan Sik, semasa akhir kariernya bertugas sebagai Pegawai Kewangan Negeri.

<sup>34</sup>Rujuk Baharom Mansor & Abu Bakar Majid, “Kegiatan Komunis Dan Kesannya Ke Atas Hubungan Kaum: Bukit Tambun dan Bukit Jenun” dalam Prof. Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Awang (Peny.) 1984. Darurat 1948-1960, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, hlm.125-144.

<sup>35</sup> Contohnya peranan dan kepimpinan Syeikh Abdul Samad al-Palembangi seorang ulamak terkenal Kedah dalam perang membebaskan Kedah dari ancaman Siam dalam tahun 1839.

laporan tahun 1950 kepada kerajaan Kedah menulis akan peranan Hj. Abdul Rahman dalam membantu kerja keselamatan sebagai ‘*Strong Man*’.<sup>36</sup>

Tokoh pemimpin dalam melawan komunis juga terdapat di kawasan Sik. Hj. Mat Lala atau nama sebenar Hj. Ahmad b. Abas adalah tokoh pemimpin tempatan Sik yang terlibat dengan beberapa pertempuran melawan musuh secara terbuka. Malah antara pertempurannya yang hebat ialah pertempuran di Charok Sentang. Pertempuran ini melibatkan 40 orang penduduk yang terdiri dari HG dan penduduk awam melawan hampir 100 orang komunis. Beliau juga diserang hendap oleh pasukan komunis di Lubuk Serunai, kesannya Hj. Mat Lala telah cedera terkena tembakan di leher. Antara tokoh pejuang lain yang turut bersama beliau ialah Che Hassan, Awang Gulai dan Abdullah. Sumbangan Hj. Mat Lala dihargai kerajaan semasa darurat dengan anugerah Medal Peringatan Perang oleh Templer dan Pingat Jaksa Pendamai oleh Tuanku Sultan Badlishah.<sup>37</sup>



### **Major General Fonblanche Dalam Satu Upacara Kurniaan Surat Kepujian HG Di Sik, Kedah Dalam Tahun 1951**

(Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis)

Melihat kembali akan keberanian dan perjuangan mereka adalah sesuatu yang sememangnya membanggakan. Pakatan rakyat ini berjuang hanya berdasarkan keberanian, tenaga dan persenjataan yang paling minima. Mereka sendiri tidak pernah didedah dengan ilmu ketenteraan di peringkat yang sepatutnya dan dibekalkan dengan persenjataan yang sesuai untuk pertempuran moden. Namun apabila senjata dan kebenaran diberi serta harapan rakyat disandarkan kepada

<sup>36</sup> SUK 2590/1370.

<sup>37</sup> Rujuk buletin Lindungan Bulan terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, bil 15/300.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

mereka, mereka berjaya membuktikan bahawa mereka boleh mempertahankan kawasan tempatan mereka.<sup>38</sup>

Penulisan ini melihat terdapat kesinambungan semangat, contoh dan kepimpinan sejak yang dibawa dari zaman *Force 136* ke era darurat. Di lokasi seperti Sik, Baling dan Padang Terap timbul gerakan rakyat mempertahankan kawasan dari pencerobohan komunis. Kawasan sebeginilah yang dahulunya merupakan pengkalan aktiviti bagi Pasukan 136 menentang Jepun. Di Padang Terap, dalam era darurat begitu menjadikan Mat Perachut, seorang anggota *Force 136* sebagai idola dalam perperangan melawan musuh. Dari asas tersebut dilihat bukanlah sesuatu yang janggal bagi para penduduk untuk memikul senjata. Terlebih lagi apabila kempen melawan musuh dipimpin oleh individu yang berpengaruh termasuk juga para Penghulu, Panglima atau pun ulamak.<sup>39</sup> Ini membuktikan kepimpinan tempatan juga tidak sedikit kesannya pada perjalanan pasukan dalam operasi keselamatan yang dibuat.

### Kesimpulan

Darurat telah berlangsung selama 12 tahun, dari tahun 1948 sehingga 1960. Pelbagai peristiwa telah berlaku dalam tempoh tersebut. Pertahanan dan keselamatan Tanah Melayu berada dibawah tanggung jawab pihak pasukan keselamatan namun dengan senario selepas awal tamat Perang Dunia Kedua dan kondisi pihak PKM yang agak kuat, apa yang sedia ada perlu diperkuatkan. Tidak dapat dipinggirkan rakyat perlu memainkan peranan yang penting untuk mengukuhkan apa yang sedia ada. Pembentukan pasukan HG adalah secara jelas peranan rakyat diperlukan dalam tempoh tersebut. Jelas rakyat pelbagai kaum menyumbang tenaga dalam usaha tersebut. Kuasa kerajaan mengenakan syarat wajib untuk penyertaan dalam HG ini juga memperkuatkan kekuatan yang sedia ada. Namun yang sangat jelas adalah kesanggupan rakyat itu sendiri untuk memikul senjata melawan musuh adalah sesuatu yang sangat membanggakan. HG kemudiannya diperkuat dan diberikan penambahbaikan dari masa ke semasa. Ini sejarah dengan kedudukan pasukan itu sendiri sebagai barisan pelapis pertahanan negara ketika itu. Usaha ini dilihat memberikan impak yang begitu positif pada keutuhan pasukan tersebut sama ada dari segi moral, penampilan dan perjalanan kerja HG itu sendiri.

### Rujukan

- Abdul Samad Idris, 1983. *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman  
Buletin *Lindungan Bulan* terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, bil 15/300  
Baharom Mansor & Abu Bakar Majid, "Kegiatan Komunis Dan Kesannya Ke Atas Hubungan  
Kaum: Bukit Tambun dan Bukit Jenun" dalam Prof. Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Awang  
(Peny.)1984. *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.

<sup>38</sup> Pertahanan tempatan seperti HG hanya didedahkan dengan asas senjata seperti Shot Gun, menembak dan beberapa formasi serangan taktikal. Namun mereka berjaya bertempur dan membunuh komunis melebihi dari apa yang diajarkan.

<sup>39</sup> Panglima dan Penghulu memainkan peranan penting dalam pengurusan HG di kawasan mereka. Mereka diberikan pangkat dan tanda pengenal pada pakaian untuk tujuan tersebut, bagi Penghulu diberikan tanda pangkat dua Gold Bar di songkok manakala Panglima satu Gold Bar.

- Cloarke, John, 1985. *Templer Tiger of Malaya*, London: Harrap Ltd
- Puvaneswaran S.K, 2004. *Puvan- Memoirs of Early Life & 33 Years in Police*, Kuala Lumpur: Alf Promotions.
- Mohd Isa Othman, 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis Di Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Isa Othman, 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Pilus Yusoh, Dato', 2001. *A Policeman Story*, Kuala Lumpur: Cempaka Publication
- Miller, Harry, 1972. *Jungle War in Malaya*, London: Arthur Barker Limited
- Ho Hui Ling. 2004. *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Reduan Hj Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabda S & Wahba, 1981. *Musa Ahmad Kembali Ke Pangkuhan*, Selangor: Tra-Tra Publishing.
- Stubbs, Richard, 1989. *The Hearts and Minds in the Guerilla Warfare*, Singapore: Oxford University Press.
- James Dobree, Peter, 1994. *Hujan Panas Bawa Bencana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Temubual dengan bekas SC Ibrahim bin Abdullah, (74) di Kampong Perik Kuala Nerang, Kedah pada 9 September 2006
- Temubual dengan Dato Wan Shamsuddin Mohd Yusuf, Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) pada 27 November 2006